

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Photo by Jair Lázaro on Unsplash



AKU, DIA & NICU

SIRI 3

¹Nik Noor Afizah Azlan, ²Mazlan Mat¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu²Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu

Sedang aku berehat, tiba-tiba datang seorang jururawat berlari-lari anak dalam keadaan cemas memasuki bilik aku. “Puan.....!!!”, sambil termengah-mengah.

Aku turut cemas tetapi berlagak tenang sambil menjawab, “Ya...ada apa-apa masalah?”

“Puan, rawatan puan tiada dalam

perlindungan panel insurans suami puan. Macam mana ni puan? Puan kena bayar sendiri ni”, dengan nada semakin cemas.

Terkejut dan pelik juga dengan kenyataan jururawat tersebut. Sambil menarik nafas untuk lebih bertenang, aku menjawab,

“Oh, tak mengapa. Nanti saya cuba hubungi suami saya dan dapatkan pengesahan beliau

berkenaan perkara ni. Sekejap lagi saya maklumkan semula ye.”

“Tapi puan, memang pihak insurans sudah hubungi kami dan maklumkan berkenaan perkara ni”, sambungnya lagi.

‘.....pihak insurans tidak menyatakan sebarang masalah dengan borang-borang tersebut beserta surat jaminan daripada organisasi suami aku.’

Kemudian dengan nada yang sedikit rasa bersalah, jururawat tersebut menjelaskan bahawa semasa borang-borang dihantar untuk diproses, pihak insurans tidak menyatakan sebarang masalah dengan borang-borang tersebut beserta surat jaminan daripada organisasi suami aku. Oleh kerana itulah, mereka terus memberikan rawatan kepadaku. Setelah beberapa rawatan diberi, tiba-tiba mereka mendapat panggilan daripada pihak insurans mengatakan bahawasanya rawatan melibatkan kandungan aku tiada dalam senarai perlindungan panel insurans organisasi suamiku. Tetapi jika aku dirawat untuk masalah telinga, ianya tersenarai di dalam perlindungan tersebut. Namun, aku perlu uruskan daftar keluar daripada hospital ini terlebih dahulu dan daftar masuk semula sebagai pesakit yang mempunyai masalah telinga.

Apalah dayaku dalam keadaan yang lemah begitu perlu uruskan semuanya seorang diri, tanpa kehadiran suamiku di sisi. Aku mohon sedikit ruang daripada jururawat tersebut untuk berbincang dengan suamiku kerana pada hematku, pasti ada salah faham tentang

perlindungan insurans tersebut dan andai betul rawatan kandunganku ini tiada dalam perlindungan panel insurans organisasi suamiku, maka kami akan tanggung sendiri semua kos rawatanku.

Tampak jelas kelegaan pada raut wajah jururawat tersebut bila aku nyatakan begitu. Dengan nada yang lebih tenang jururawat tersebut berkata, “Oh tidak mengapa puan jika puan akan bayar sendiri kos rawatan. Puan bincanglah dulu dengan suami puan, kemudian maklumkan kepada saya ye”.

Terus hilang keadaan yang cemas tadi dan beliau berlalu pergi. Terdetik di hatiku, agaknya jururawat itu cemas sebentar tadi kerana bimbang jika kami tidak mampu membayar kos rawatan yang telah diberikan. Jika benar andaianku itu, alangkah tidak profesionalnya jururawat tersebut beranggapan begitu kepada kami. Masakan kami memilih untuk ke hospital swasta jika kami tidak mampu atau tidak bersedia dengan sebarang kemungkinan terutamanya bila melibatkan kewangan. Tambahan pula, ini bukan kandungan pertama tetapi sudah kandungan ketiga. Semestinya kami lebih bersedia dari segi kewangan.

Setelah berbincang dengan suamiku melalui telefon tentang pilihan yang kami perlu buat, maka kami mengambil keputusan untuk meneruskan rawatan dan akan membiayai sendiri semua perbelanjaan hospital.

‘Doktor pakar mengesahkan bahawa aku mempunyai komplikasi kehamilan iaitu preeklamsia.’

Alhamdulillah, kami ada menabung untuk persediaan bagi sebarang urusan hospital sepanjang aku mengandung dan rawatan bersalin nanti. Maklumlah, memang dari awal lagi kami telah merancang untuk bersalin di hospital swasta maka seharusnya kami kena bersedia dengan sebarang kemungkinan terutamanya dari segi kewangan.

Selepas hubungi pihak hospital dan memaklumkan tentang keputusan kami, jururawat yang bertugas datang membawaku pergi ke klinik doktor pakar. Doktor pakar mengesahkan bahawa aku mempunyai komplikasi kehamilan iaitu preeklamsia. Malah hasil daripada imbasan ultrasound itu tadi, saiz kandunganku agak kecil dan beratnya hanya dalam lingkungan 1 kilogram sahaja berbanding yang sepatutnya. Ini disebabkan oleh tekanan darahku yang terlalu tinggi dan tidak terkawal sepanjang kehamilan. Rupa-rupanya selama ini aku bukan sakit kepala biasa tetapi preeklamsia. Malah keadaan dalam telingaku bengkak dan sakit adalah berpunca daripada masalah yang sama. Nasib baik gegandang telingaku tidak pecah dan aku tidak mengalami strok kerana bacaan tekanan darah yang terlalu tinggi. Aku terkedu dengan penjelasan doktor pakar. Pelbagai perasaan bercampur baur ketika itu. Aku sedih dan menyesal kerana terlalu mengutamakan kerja sehingga mengabaikan kesihatan sendiri. Ketika itu, aku bagaikan ingin memutar masa. Aku ingin kembali ke saat-saat bahagia bersama keluarga dalam keadaan yang sihat. Terasa ingin terbang untuk memeluk suami dan anak-anakku yang selama ini aku abaikan tanpa sedar.

Menyedari keadaan aku begitu, doktor pakar terus menenangkan aku dan berharap kesihatanku kembali stabil serta tumbesaran kandunganku akan kembali normal apabila

tiba waktunya nanti. Beliau juga menasihati agar berbanyakkan berehat. Kemudian aku ditolak kembali ke wad dengan kerusi roda. Sesampai di wad, aku terus tidur. Aku hanya bangun untuk solat dan makan. Aku ambil peluang ini untuk betul-betul berehat tanpa memikirkan perihal kerja. Aku perlu utamakan kesihatan diriku dan bayi dalam kandunganku.

Alhamdulillah keesokannya, doktor pakar memberi kebenaran untuk aku pulang kerana keadaanku sudah stabil dan telingaku tidak bengkak dan sakit lagi. Beliau memberikan cuti sakit selama 2 minggu dan selepas tempoh tersebut aku perlu berjumpa beliau semula untuk rawatan susulan.

Pengajaran untuk ibu-ibu mengandung di luar sana, jagalah kesihatan dan janganlah abaikan sebarang kelainan atau masalah kesihatan yang berlaku pada diri kalian. Mungkin perkara itu biasa jika kita tidak mengandung tetapi ada kemungkinan ianya akan memudaratkan dan berbahaya jika dialami ketika mengandung. Teruskanlah menjaga kesihatan ketika mengandung kerana kita bukan berseorangan tetapi kita mungkin berdua atau bertiga.

Jadi di manakah “Dia dan NICU”nya?

Tungguuuuuuu.....

‘....jagalah kesihatan dan janganlah abaikan sebarang kelainan atau masalah kesihatan yang berlaku pada diri kalian.’




Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash